


# PROGRAM TRANSFORMASI MINDA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (P&P) DAN KUMPULAN PELAKSANA

## TOLERANSI SIFAR TERHADAP GANGGUAN SEKSUAL UPM

### DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### (TOLAK ANSUR SIFAR MENGENAI PERBUATAN GANGGUAN SEKSUAL) - ZEROSEA

Pejabat Pendaftar, Universiti Putra Malaysia
















PLEASE SILENCE
YOUR MOBILE PHONE





# KANDUNGAN SESI

- Pengenalan Gangguan Seksual
  - Jenis Gangguan Seksual
- Kerangka Perundangan di Malaysia
  - Garis Panduan yang berkuat kuasa di UPM



# OBJEKTIF

1) Membincang maksud dan konsep perlindungan daripada gangguan seksual/ eksploitasi seksual /penderaan di tempat kerja




2) Memahami dasar dan undang-undang serta peraturan UPM berkaitan ekploitasi seksual dan penderaan - SEA

3) Mengenalpasti kaedah dan panduan bagi kes gangguan/ exploitasi seksual (SEA) dalam konteks pekerjaan di UPM

# Keratan Akhbar















Keratan akhbar BH pada 14 Disember 2018 dan 15 Februari lalu.

# Cop urges caution in exposing attacks on social media

By DIYANA PFORDTEN
and JUSTIN ZACK
newsdesk@thestar.com.my






**Sexual crime cases in 2020 (until June)**

| Type of crime | Number of cases |
|---|---|
| Rape | 619 |
| Sexual offences against children | 437 |
| Molest | 345 |
| Sexual harassment | 136 |
| Incest | 117 |
| Unnatural Sex | 100 |

Source - Royal Malaysia Police (PDRM)

TheStar graphics

**PETALING JAYA:** Victims of sexual harassment or other sex crimes should report cases to the police instead of sharing their experiences on social media, said Bukit Aman Sexual, Women and Child Investigations Division Assistant Direct Asst Comm Siti Kamsiah Hassan (*pic*).

Noting that it had become a "culture" for the sufferer to relay their stories online amid the #MeToo movement, she cautioned that these online revelations could jeopardise police investigations or affect the emotional state of the victims even more.

"This is now a 'budaya' (culture). Everyone wants things online and they want to be quick. But sexual crime investigations are sensitive, from psychological implications to the victim and the nature of evidence involved."

With victims already traumatised by their experience, going on social media to expose the attack could lead to a debate online.

"Netizens will say all sorts of things. Sometimes the victims themselves will be confused, even to the point of questioning or doubting otheir own actions. This disrupts investigations," she said.

She urged victims to think twice before going online with details.

"Victims reveal their incidences (online) because they want action to be taken. But they do so without realising the effect it could have on them," she said.

ACP Siti Kamsiah said there was a possibility that statements which victims posted on social media did not match what the victims subsequently told police.

"When that happens, this makes our investigation harder. Their statements do not tally and the facts are not the same," she said.

Sexual crime cases reported from January to June this year recorded 619 cases of rape, followed by 437 cases of sexual offences against children, molestations (345), sexual harassment (136), incest (117) and unnatural sex (100).

Out of these six categories, those involving sexual harassment and sexual offences against children had the highest number of charges at 65% and 47% respectively.

ACP Siti Kamsiah noted that sexual crime incidents shared online could help create awareness but not if it was done excessively.

"If the revelation is just about the modus operandi (of attackers) and to raise awareness, then that is not a problem to me.

"But when it is excessive it can cause public unease."

She advised Malaysians to be smart when posting online.

"If the purpose is to investigate, social media cannot investigate cases," she said.

The police had the power to investigate, she said.

"Even without an official complaint we can still investigate but it is advisable to inform the police about what happened," she added.

While awareness helps people identify the signs of sexual misconduct and abuse, ACP Siti Kamsiah said there was a limit to what could be posted online.

Even if the incident happened a long time ago, victims should still come forward to make a report, she said.

A police report can also be made on behalf of the victim.

"It doesn't matter when it happened. Of course, it is best to report the incident as soon as possible after it happened because cases rely a lot on statements and evidence such as injuries, or digital evidence, including photos and videos," she said.

Victims should not feel that it is pointless to report cases to the police just because some time had lapsed since the attack, she said.

"We have our experts. Maybe there is still some evidence we can use. Don't decide on your own that there is no chance for an investigation to take place," she added.

She noted that sex crimes had reduced significantly during the movement control order (MCO) due to restricted movements and fewer opportunities for perpetrators.

Data from her division showed that sex crime cases recorded a 65% drop during the MCO between March 18 to June 30, in comparison to the period before the MCO, between Dec 4, 2019 to March 17 this year, which recorded 1,318 cases.

Berita Harian . Khamis 01.11.18 . ms67

# Ramai tak sedar jadi mangsa gangguan seksual



*Betty Yeoh*

**Majikan enggan ambil peduli, cenderung alami kemurungan**

**Oleh Mahani Ishak**
mahani@bh.com.my

**Petaling Jaya**

Keengganan majikan mengambil peduli mengenai gangguan seksual mengakibatkan mangsa lebih cenderung mengalami tekanan moral, berasa tidak selamat, ponteng kerja dan mengalami kemurungan.

Pada masa sama, keadaan itu juga turut mendorong mangsa mengambil keputusan berhenti kerja berikutan tidak lagi selesa dengan orang yang mencetuskan gangguan terhadapnya, selain majikan tidak mengambil sebarang tindakan membendungnya.

Pengurus projek Persatuan Bertindak Wanita (AWAM), Betty Yeoh, berkata beberapa faktor menjurus kepada gangguan seksual, termasuk penyalahgunaan kuasa, keistimewaan atau mangsa sendiri tidak ambil kisah dengan pelakuan rakan sekerjanya.

Katanya, ramai orang tidak sedar mereka menjadi mangsa di sebalik tingkah laku seksual yang tidak diingini hingga menjejaskan martabat atau membuatkan mereka ditindas, direndahkan atau menjadi objek seksual.

"Keadaan ini akan mewujudkan suasana gangguan seksual berterusan dan ada yang mengambil kesempatan menetapkan syarat akan dinaikkan pangkat jika memberikan layanan seksual.

"Situasi itu boleh menjejaskan kerjaya atau membawa implikasi buruk kepada mangsa. Majikan pula lepas bebas apabila tiada sebarang laporan berkaitan salah laku mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada forum Gangguan Seksual di Tempat Kerja yang diadakan, di sini, baru-baru ini.

Panel lain adalah peguam bela dan peguam cara berpengalaman, Fahri Azzat dan Perunding Urusan MY HRC Services Sdn Bhd, yang mempunyai 22 tahun dalam bidang sumber manusia.

**Kes berleluasa**

Betty yang mempunyai pengalaman lebih 33 tahun bersama AWAM dan terbabit lebih 10 tahun dalam kempen kesedaran gangguan seksual termasuk memberi perlindungan dan khidmat perundangan kepada mangsa.

Katanya, banyak keadaan membuatkan gangguan seksual terus berleluasa, antaranya habuan sebagai dorongan menaikkan karier, tiada tindakan susulan dikenakan, selain ramai menganggap budaya mengintip (*stalker*) dan perbuatan menjurus seksual dianggap satu gurau senda.

"Bagaimanapun, gangguan seksual ini boleh diatasi dengan mengetatkan undang-undang, manakala organisasi pula perlu memberi sokongan moral dan membantu mangsa membuat laporan terhadap gangguan," katanya.

Bagi Betty, mangsa sendiri bukan sahaja perlu mengemukakan laporan, tetapi merakam atau mengumpul maklumat setiap kejadian sebagai bahan bukti untuk mensabitkannya kepada tindakan undang-undang.

"Ini adalah penting untuk membendung gangguan seksual, termasuk mengguna pakai polisi atau kod piawaian yang lebih spesifik supaya mangsa berani tampil membuat laporan kerana persekitaran ada memberi sokongan jitu," katanya.

**Gubal Akta Gangguan Seksual**

Sementara itu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh mengumumkan kementeriannya akan menggubal Akta Gangguan Seksual bagi menangani jenayah itu khususnya di tempat kerja.

Ketika ini, kementerian sedang menunggu hasil kajian impak untuk dijadikan panduan menggubal akta itu bagi menangani kelemahan dalam perundangan dan peraturan sedia ada berhubung gejala gangguan seksual.

"Ketika ini tiada undang-undang khusus bagi gangguan seksual tetapi kita ada kod etika dan peraturan atau garis panduan," katanya.

# PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG




Keratan akhbar BH 30 dan 31 Disember 2019

**Melalui penggubalan undang-undang diperjuangkan sejak 18 tahun dijangka mampu menyelesaikan lebih banyak kes berkaitan gangguan seksual.**

**"Ia akan mengisi jurang yang ada dalam undang-undang kini kerana pada masa ini, kanun keseksaan hanya menangani beberapa bentuk gangguan seksual, antaranya rogol dan serangan seksual, manakala melalui Akta Kerja pula, ia merangkumi gangguan seksual di pejabat.**

**"Paling penting, rang undang-undang ini juga akan menggariskan beberapa fokus tahun ini termasuk penambahbaikan dari aspek perundangan seperti penggubalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual bertujuan memberikan perlindungan kepada semua pihak.**

Diwartakan berkuatkuasa mulai 18 Oktober 2022

# PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG




## Dewan Negara luluskan RUU Anti Gangguan Seksual

Oleh EDDY AQMAL MOHAMED HAMIDI 11 Ogos 2022, 5:54 pm

PUTRAJAYA – Hasrat kerajaan untuk menyediakan undang-undang khusus bagi menangani isu gangguan seksual kini semakin hampir menjadi kenyataan selepas Dewan Negara hari ini sebulat suara meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Anti Gangguan Seksual (AGS) tahun 2021.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam satu kenyataan berkata, RUU AGS merupakan langkah pertama untuk negara menyediakan persekitaran selamat khususnya kepada wanita dan kanak-kanak selain menghapuskan budaya menormalisasikan gangguan seksual dalam kalangan masyarakat.

"Persekitaran yang selamat secara langsung akan meningkatkan pengupayaan rakyat dalam ekonomi, sosial dan politik selain memastikan mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara.

# LAPORAN ADUAN INTEGRITI TAHUN 2023

| Bil. | Jenis Kesalahan Yang Diadu | Sub Jenis Kesalahan | Penggal 1 (Jan - Julai) |
|---|---|---|---|
| 1 | Pelanggaran Tata Kelakuan | Memburuk nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam | 3 |
| 2 | Pelanggaran Tata Kelakuan | Tidak patuh prosedur kewangan/ arahan perbendaharaan | 1 |
| 3 | **Pelanggaran Tata Kelakuan** | **Gangguan Seksual** | **3** |
| 4 | Salah laku jenayah | Pemalsuan Dokumen | 1 |
| **Jumlah** | | | 8 |



*Dikemaskini sehingga Julai 2023*

# Statistik Kes Tatatertib Pelajar

| JENIS KES | TAHUN | BIL KES |
|---|---|---|
| Gangguan Seksual | 2018 | 1 |
| | 2019 | 2 |
| | 2019 | |
| Perbuatan Tidak Sopan | 2018 | 4 |
| | 2018 | |
| | 2018 | |
| | 2018 | |
| Mencederakan Orang Awam | 2018 | |

# GANGGUAN SEKSUAL



# GANGGUAN SEKSUAL

- Rangkaian tingkah laku yang luas (pandangan sepintas lalu, gurauan yang tidak sopan, memberi komen yang merendah-rendah mana-mana pihak jantina, serangan seksual dan tindakan fizikal lain).

- Berbeza antara negara namun " perlakuan berbaur seks yang tidak disenangi dan tidak munasabah.

- Gangguan Seksual/Eksploitasi Seksual/ Penderaan - Masalah kesihatan pekerja.

# GANGGUAN SEKSUAL

Berdasarkan kajian evidence based, secara am ada 3 jenis utama:

- ✓ Gangguan seksual berbentuk ugutan (melibatkan pertukaran ganjaran dengan aktiviti seksual)
- ✓ Gangguan seksual mengganggu ketenteraman diri (perbuatan merenung tajam, menggunakan kata-kata dan juga sentuhan yang tidak diingini);
- ✓ Gangguan seksual yang menjurus pada ketidakseimbangan gender (perbezaan peranan, yang membawa penghinaan)



Persekutuan Majikan Kerja (1999) membahagikan kepada LIMA (5) jenis:

- Gangguan secara lisan
- Gangguan secara isyarat/bukan lisan
- Gangguan visual
- Gangguan psikologi
- Gangguan fizikal
- Gangguan SOSIAL? "merangkumi sebarang kelakuan berunsur seksual yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal atau sebab yang munasabah setelah mengambil kira segala hal keadaan akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.

# Jenis Gangguan

- Gangguan  Fizikal
- Gangguan Secara Lisan
- Gangguan Bukan Lisan (secara isyarat)
- Gangguan secara visual
- Gangguan secara psikologi



## Jenis Gangguan








UniPutraMalaysia @uputramalaysia uniputramalaysia Putra TV uniputramalaysia
PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

## Sektor Awam

- Peraturan 4A, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib ) 1993
- JPA – Pekeliling Perkhidmatan Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja 2018 (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2018)
- Panduan kepada Seksyen Integriti

## Sektor Swasta

- Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999.
- Akta Kerja 1955 (Akta 265) – majikan buat siasatan jika terima aduan. Jika mangsa tidak berpuas hati/majikan enggan membuat siasatan, maka mangsa boleh merujuk kepda Ketua Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia.

# GANGGUAN SEKSUAL SECARA MAYA?

- Gangguan Seksual secara Maya? Aplikasi Teknologi Maklumat?
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- Akta Multimedia dan Komunikasi 1998
- Seksyen 211 menyatakan larangan terhadap pemberian kandungan jelik "Tiada pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan, atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan, boleh memberikan kandungan yang sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang".

# GANGGUAN SEKSUAL KESALAHAN JENAYAH?

- Kanun Keseksaan (Akta 574)
- Walau pun tidak menggunakan perkataan "gangguan seksual", namun peruntukan yang terkandung dalam Akta boleh digunapakai bagi menangani kes gangguan seksual.
- Antara peruntukan berkaitan:
  - Seksyen 294 – nanyian lucah
  - Seksyen 293- menjual bahan lucah kepada orang muda
  - Seksyen 355 – kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang, dengan niat hendak menjatuhkan kehormatan seseorang kecuali atas bangkitan marah,
  - Seksyen 377D – kesalahan melanggar kesopanan sama ada di tempat awam atau persendirian
  - Seksyen 509 yang berkaitan dengan kesalahan yang bermaksud untuk mengaibkan kehormatan seseorang , samada dengan perkataan atau isyarat

AKTA KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2023 BERKUAT KUASA PADA **5 MEI 2023**

"Stalking"

507a. (1) Whoever repeatedly by any act of harassment, intending to cause, or knowing or ought to know that the act is likely to cause, distress, fear or alarm to any person of the person's safety, commits an offence of stalking.

(2) For the purposes of subsection (1), the act of harassment may include the following:

(a) following or tracking a person in any manner or by any means;

(b) communicating or attempting to communicate with a person in any manner or by any means;

(c) loitering at the place of residence or business of a person;

(d) giving or sending any thing to a person in any manner or by any means.

(3) Whoever commits the offence of stalking shall be punished with imprisonment for a term which may extend to **three years** or with fine or with both.

(4) In this section, “repeatedly” shall refer to **at least two occasions**.”.

# BADAN BERKANUN

- Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [ Akta 605) telah diwartakan pada 31 Ogos 2000.
- Bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tatatertib, dan pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
- Seksyen 4 Akta 605 menyebut kesalahan tatatertib sebagai 'pelanggaran mana-mana peruntukan tatakelakuan yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan dan termasuklah apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berkenaan dengannya, tatatertib boleh diambil di bawah peraturan-peraturan.
- Tiada peraturan spesifik yang dinyatakan berkenaan gangguan seksual.

NAMUN, beberapa peraturan secara tidak langsung di bawah Bahagian II, Jadual Kedua Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, boleh digunakan bagi kesalahan gangguan seksual ini.

- Peraturan 3(2)(d) " seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun.

- Peraturan 3(2)(c)(ii) pula menyebut "pegawai tidak boleh menggunakan kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun bagi faedahnya sendiri".

- Peraturan 3(2)(g) " seseorang pegawai badan berkanun tidak boleh tidak bertanggungjawab".

# BADAN BERKANUN

- Seseorang pegawai badan berkanun boleh dikenakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman seperti yang dinyatakan di bawah Peraturan 40, Bahagian VI, Jadual Kedua Akta 605.

- Hukuman : amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat dan buang kerja.

# PENDEKATAN UPM

- Walaupun tiada peruntukan khusus berkenaan gangguan seksual di dalam Peraturan-peraturan Tatatertib Badan-badan Berkanun, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 [Akta 605], gangguan seksual adalah suatu perlakuan yang dilarang di UPM kerana ianya boleh memberi kesan negatif kepada prestasi dan keharmonian kerja serta memburukkan dan mencemarkan nama UPM.

- UPM – mengguna pakai :
  - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018, Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja
  - Peraturan-peraturan Tatatertib Badan-badan Berkanun, Akta Badan-badan Berkanun (Tata Tertib dan Surcaj) 2000 [ Akta 605]

# Poster Info Integriti



# Poster
# Info Integriti




TV PPIM
GURAU 'NAKAL' SIKIT
KAU DAH SENTAP?

# DASAR UPM

Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia telah membuat Dasar Tolak Ansur Sifar Mengenai Perbuatan Gangguan Seksual di bawah seksyen 20(1) Perlembagaan UPM [P.U.(A) 448/2010] seperti berikut:




PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 20(1) Perlembagaan UPM, Lembaga Pengarah Universiti membuat Dasar berikut:

**DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**
**(TOLAK ANSUR SIFAR MENGENAI PERBUATAN GANGGUAN SEKSUAL)**

Universiti Putra Malaysia (UPM) komited menyediakan persekitaran dalam kampus yang selamat dan sejahtera kepada warga UPM. Perbuatan gangguan seksual boleh mengganggu gugat keselamatan dan kesejahteraan warga UPM. Universiti tidak akan bertoleransi dengan apa-apa perbuatan gangguan seksual sama ada perlakuan itu secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal ke atas warga UPM tanpa mengambil kira perbuatan gangguan itu dilakukan oleh:

- pekerja kepada pekerja;
- pekerja kepada pelajar;
- pekerja kepada pelanggan UPM;
- pelanggan UPM kepada pekerja;
- pelajar kepada pelajar;
- pelajar kepada pekerja;
- pelajar kepada pelanggan UPM;
- pelanggan UPM kepada pelajar.

Semua warga UPM hendaklah menjauhi perbuatan gangguan seksual dan hendaklah mematuhi Dasar ini. Universiti menganggap perbuatan gangguan seksual adalah suatu kesalahan serius dan Universiti mempunyai tolak ansur sifar terhadap apa-apa perbuatan gangguan seksual dan akan mengambil tindakan sewajarnya termasuk tindakan tatatertib dan guaman ke atas pelaku perbuatan itu.

Dibuat pada 13 Oktober 2020
[Minit mesyuarat LPU 146/07]
[UPM/PPUU/600-1/4/GANGGUAN SEKSUAL/BHEP]

*YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail*
*Pengerusi Lembaga Pengarah*
*Universiti Putra Malaysia*

# GARIS PANDUAN YANG BERKUATKUASA

**Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja (Pekerja)**




**Garis Panduan Perlindungan Terhadap Eksploitasi dan Penderaan Seksual (PSEA)**

**Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Kampus (Pelajar)**

- Gangguan seksual ditakrifkan sebagai sebagai kelakuan berunsur seksual yang tidak diingini samada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal atas sebab yang munasabah setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras berasa tersinggung, terhina atau terugut. Gangguan seksual boleh terjadi kepada sesiapa sahaja sama ada berlainan atau sesama jantina.

(Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual UPM, 2021)

# UNDERSTANDING PSEA IN UPM

- 2021
- Collaborative efforts : Registrar Office, Faculty of Modern Language and Communication, Faculty of Human Ecology and many stakeholders in UPM (e.g HPUPM).
- Experts in Social Science, Law, Communication , Medical, Psychology etc.
- Comply with International Standards Mission : ZERO Tolerance !

unicef

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

| Kandungan | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja | Garis Panduan Perlindungan Terhadap Eksploitasi Dan Penderaan Seksual (PSEA) | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia (Pelajar) |
|---|---|---|---|
| **PUNCA KUASA** | **Dasar Universiti Putra Malaysia (Tolak Ansur Sifar Mengenai Perbuatan Gangguan Seksual)** | | |

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

| Kandungan | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja | Garis Panduan Perlindungan Terhadap Eksploitasi Dan Penderaan Seksual (PSEA) | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia (Pelajar) |
|---|---|---|---|
| **SKOP** | Melibatkan salah laku seksual **sesama staf, staf dengan pelajar** | **Melibatkan E/P seksual oleh warga UPM/pihak berkepentingan (yang mempunyai pertalian rasmi dengan UPM) ke atas orang awam** | Melibatkan **salah laku seksual oleh pelajar**<br>**1. Pelajar yang melanjutkan pengajian secara sepenuh masa di UPM dan berstatus aktif.**<br>**2. Pelajar yang melanjutkan pengajian secara separuh masa di UPM dan berstatus aktif.**<br>**3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi dari luar negara yang sedang mengikuti program mobiliti (inbound) di UPM** |

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

| Kandungan | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja | Garis Panduan Perlindungan Terhadap Eksploitasi Dan Penderaan Seksual (PSEA) | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia (Pelajar) |
|---|---|---|---|
| RUJUKAN | Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)<br>Pekeliling Perkhidmatan Bil 5 Tahun 2018 | Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)<br>Pekeliling Perkhidmatan Bil 5 Tahun 2018 | AUKU 1971 (Akta 30)<br>Statut Jawatankuasa Aduan Pelajar |

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

| Kandungan | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja | Garis Panduan Perlindungan Terhadap Eksploitasi Dan Penderaan Seksual (PSEA) | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia (Pelajar) |
|---|---|---|---|
| **DEFINISI** | 1) membuat cubaan untuk merapati orang lain secara seksual, atau meminta layanan seksual daripada orang itu<br>2) melakukan apa-apa perbuatan yang bersifat seksual berhubung dengan orang lain, dalam keadaan yang, setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras, tersinggung, terhina atau terugut.<br>3) termasuklah perbuatan sesuatu pernyataan yang bersifat seksual kepada, atau di hadapan, orang lain itu sama ada, pernyataan itu dibuat secara lisan, bertulis atau dengan apa-apa cara lain;<br>4) tidak terhad kepada perlakuan perbuatan itu di tempat kerja atau dalam waktu kerja sahaja selagi perlakuan itu memburukkan atau mencemarkan nama UPM. | 1) Eksploitasi Seksual - Apa-apa penderaan sebenar atau percubaan penderaan melalui penyalahgunaan kuasa, perbezaan kuasa atau kepercayaan untuk tujuan seksual, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mendapatkan manfaat kewangan, sosial atau politik daripada eksploitasi seksual terhadap orang lain.<br>2) Penderaan seksual - bermaksud gangguan fizikal yang sebenar atau berupa ancaman yang bersifat seksual, sama ada melalui kekerasan atau dalam keadaan tidak berupaya atau secara paksaan. | 1) tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini sama ada dalam bentuk ucapan, perbuatan, isyarat dan gangguan psikologi yang boleh berlaku dalam bentuk yang disengajakan atau berulang-ulang yang memberi kesan gangguan emosi, psikologi atau fizikal kepada mangsa gangguan seksual contohnya:<br>a) perbuatan tersebut menyebabkan wujudnya satu persekitaran yang penuh dengan tekanan dan ancaman.<br>b) perbuatan tersebut menyebabkan prestasi pembelajaran dan reputasi Pihak Yang Diganggu ( PYD) terjejas.<br>c) perbuatan tersebut bertujuan untuk memalukan PYD. |

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

| Kandungan | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia (Pelajar) |
|---|---|---|
| Kategori Gangguan | **1) Cubaan Untuk Merapati Orang Lain Secara Seksual**<br>Secara umum, semua kategori dan bentuk perlakuan serta gangguan seksual termasuk dalam perbuatan "merapati orang lain secara seksual". Perbuatan ini mengambil berbagai bentuk dan dilakukan dengan berbagai cara. Ia boleh berlaku sekali sahaja atau berulang kali sehingga mendapat reaksi daripada Pengadu.<br><br>**2) Meminta Layanan Seksual Daripada Orang Lain**<br>Kategori gangguan seksual ini lebih khusus dan boleh berlaku dalam keadaan Pegawai mempunyai kuasa atau dianggap mempunyai kuasa untuk memberikan sesuatu faedah atau ganjaran tertentu kepada Pengadu *(quid pro quo atau this in return for that)* seperti penilaian prestasi yang baik, peluang peningkatan kerjaya, ganjaran dan faedah-faedah lain yang dijanjikan sekiranya Pengadu bersetuju memberikan layanan seksual kepada Pegawai tersebut.<br><br>**3) Gangguan Seksual Yang Mengugut**<br>Terdapat elemen ugutan cubaan untuk merapati orang lain secara seksual atau meminta layanan seksual bagi mendapatkan faedah tertentu.<br><br>**Contoh 1** : Sekiranya permintaan untuk layanan seksual tersebut ditolak, Pengadu diugut bahawa laporan penilaian prestasi Pengadu tersebut akan dinilai sebagai tidak cemerlang.<br><br>**Contoh 2** :Sekiranya permintaan untuk layanan seksual ditolak oleh PYD, PYD diugut bahawa markah kerja kursus mangsa akan diberi penilaian yang rendah | |

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

| Kandungan | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia (Pelajar) |
|---|---|---|
| Kategori Gangguan | **4) Gangguan Seksual Yang Menyinggung Atau Menghina**<br>Gangguan Seksual bagi kategori ini pula memperlihatkan perlakuan seorang Pegawai yang bersifat seksual terhadap orang lain, dalam keadaan yang, setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras berasa tersinggung atau terhina.<br><br>Perlakuan seorang Pegawai seperti merenung atau melihat orang lain dengan pandangan yang berunsurkan seksual dan dilakukan secara sedar, boleh dianggap sebagai gangguan seksual bagi kategori ini. Begitu juga perlakuan seorang Pegawai yang meraba atau memeluk rakan sekerja yang lain dengan sengaja dan perlakuan ini tidak disukai oleh Pegawai berkenaan.<br><br>Selain itu, tindakan membuat pernyataan atau mempamerkan perlakuan yang berunsurkan seksual sehingga mencetuskan kesan atau emosi negatif seperti rasa tidak selamat atau takut kepada seseorang atau Pegawai juga boleh dianggap sebagai suatu gangguan seksual di bawah perenggan ini. | |

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

| Kandungan | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia (Pelajar) |
|---|---|---|
| Jenis Perlakuan | **1) Gangguan Secara Fizikal**<br><br>Gangguan yang berbentuk sentuhan fizikal yang berunsur seksual seperti mendekati orang lain dalam jarak yang terlalu dekat sehingga orang tersebut berasa kurang selesa, memegang, memeluk, menepuk, menggosok, mencubit, mencium, menjilat atau meraba sehingga Pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut.<br><br>**2) Gangguan Secara Lisan**<br><br>Bentuk gangguan ini dapat dilihat dalam penggunaan bahasa lucah melalui perbualan, bercerita, berjenaka, membuat bunyi-bunyian, memberi kritikan, komen, pujian atau mengajukan soalan berunsur seksual ke atas penampilan, pakaian, tingkah laku, tubuh badan atau aktiviti seksual sehingga seseorang berasa tersinggung, terhina atau terugut untuk berurusan dengan Pegawai berkenaan.<br><br>**3) Gangguan Secara Isyarat (Bukan Lisan)**<br><br>Bentuk gangguan ini dipamerkan melalui sikap atau perlakuan Pegawai yang memberi maksud atau gambaran keinginan yang berunsurkan seksual, antara lain, seperti menjeling, menggoda, merenung, mengintai, menjilat bibir atau mengguna bahasa isyarat yang lain. | |

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

<table>
<tr><th>Kandungan</th><th>Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja</th><th>Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia (Pelajar)</th></tr>
<tr><td>Jenis Perlakuan</td><td colspan="2">4) Gangguan Secara Visual<br><br>Perlakuan menghantar nota, surat, mel elektronik (e-mel), short messaging system (SMS), multimedia messaging system (MMS), gambar (foto), poster, objek atau bahan bacaan yang berunsur seksual yang diedarkan menerusi media elektronik, blog, vlog atau platform media sosial seperti aplikasi Facebook, WhatsApp, Twitter atau apa-apa aplikasi yang membolehkan bahan-bahan dipindahkan ke paparan umum dan terbuka atau melalui penggunaan apa jua peralatan media, peralatan elektronik atau peralatan komunikasi kepada Pengadu yang menyebabkan Pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut juga terjumlah kepada gangguan seksual.<br><br>5) Gangguan Secara Psikologi<br><br>Perbuatan cuba merapati secara seksual, mendorong, mendesak, mengugut atau memujuk rayu bagi memenuhi keinginan seksual Pegawai sama ada melalui surat, telefon, e-mel atau sebarang bentuk peralatan komunikasi kepada Pengadu yang menimbulkan tekanan emosi dan mental ke atas Pengadu adalah terjumlah kepada gangguan seksual</td></tr>
</table>

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

| Kandungan | Garis Panduan Perlindungan Terhadap Eksploitasi Dan Penderaan Seksual (PSEA) |
|---|---|
| Kategori / Jenis Perlakuan | 1) Eksploitasi Seksual - Apa-apa penderaan sebenar atau percubaan penderaan melalui penyalahgunaan kuasa, perbezaan kuasa atau kepercayaan untuk tujuan seksual, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mendapatkan manfaat kewangan, sosial atau politik daripada eksploitasi seksual terhadap orang lain.<br><br>2) Penderaan seksual - bermaksud gangguan fizikal yang sebenar atau berupa ancaman yang bersifat seksual, sama ada melalui kekerasan atau dalam keadaan tidak berupaya atau secara paksaan. |

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

| Kandungan | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja | Garis Panduan Perlindungan Terhadap Eksploitasi Dan Penderaan Seksual (PSEA) | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia (Pelajar) |
|---|---|---|---|
| Tanggung jawab | Pejabat Pendaftar (Bahagian Governan dan Integriti) | | Bahagian Hal Ehwal Pelajar (Seksyen Pengurusan Kebajikan) |

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

| Kandungan | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja | Garis Panduan Perlindungan Terhadap Eksploitasi Dan Penderaan Seksual (PSEA) | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia (Pelajar) |
|---|---|---|---|
| **ADUAN** | Laporan PTJ, URespon, Aduan Bersemuka, Surat Layang/ Aduan Awam, Laporan Polis | | Mengemukakan aduan, Aduan oleh Pihak Ketiga, Aduan Tidak Rasmi, Penyiasatan, Laporan PTJ, Laporan Polis |
| **LOG ADUAN** | HRPortal | HRPortal | Log Excel |

# GARIS PANDUAN ZEROSEA

| Kandungan | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja | Garis Panduan Perlindungan Terhadap Eksploitasi Dan Penderaan Seksual (PSEA) | Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia (Pelajar) |
|---|---|---|---|
| **Borang** | Rujuk Borang Aduan dan Borang Aduan Kejadian | | Rujuk Borang Aduan Kejadian |
| **Penentuan kesahihan kes** | Pengumpulan Bukti oleh Pejabat Pendaftar/ PTJ | | Pengumpulan Bukti oleh BHEP |
| **Penyiasatan** | Jika wujud kes tubuh Jkuasa Siasatan Dalaman | | Jika wujud kes tubuh Jkuasa Siasatan Dalaman |
| **Hasil Siasatan** | Kemukakan syor kepada Urusetia dan bawa ke JKTT | | Kemukakan syor kepada Urusetia dan bawa ke JKT |
| **Keputusan JKTT** | Syor tambahan PYDM dirujuk kepada Pegawai Psikologi (jika masih dalam perkhidmatan) | | Syor tambahan PYDM dirujuk kepada Pegawai Psikologi (jika masih dalam pengajian) |

# STANDARD TERAS



01 **STANDARD TERAS 1**

Polisi Organisasi

02 **STANDARD TERAS 2**

Sistem Pengurusan Organisasi Dan Sumber Manusia

03 **STANDARD TERAS 3**

Latihan Kesedaran, Pencegahan Dan Tindakan Tentang Perlindungan Eksploitasi Dan Penderaan Seksual (PSEA)

04 **STANDARD TERAS 4**

Pelaporan Dan Kesedaran

05 **STANDARD TERAS 5**

Bantuan Dan Rujukan

06 **STANDARD TERAS 6**

Siasatan




# STANDARD TERAS 1

## Polisi Organisasi

# PRINSIP TERAS 1

**01** Eksploitasi dan penderaan seksual oleh Pihak Berkepentingan UPM merupakan tindakan salah laku yang melampau, justeru menjadi asas untuk penamatan penglibatan.

**02** Aktiviti seksual dengan kanak-kanak (individu di bawah umur 18 tahun) adalah dilarang tanpa mengira umur majoriti atau umur yang disetujui pada peringkat tempatan. Kefahaman yang salah tentang usia kanak-kanak bukan satu pembelaan.

**03** Pertukaran wang, pekerjaan, barangan atau perkhidmatan untuk seks, termasuk layanan seks atau bentuk tingkah laku lain yang memalukan, merendahkan atau mengeksploitasi oleh Pihak Berkepentingan UPM adalah dilarang.

**04** Hubungan seksual antara Pihak Berkepentingan UPM dengan klien UPM yang melibatkan penyalahgunaan pangkat atau kedudukan adalah dilarang kerana hal demikian dibuat berdasarkan dinamik kuasa yang tidak sama rata. Hubungan sedemikian menjejaskan kredibiliti dan integriti urusan teras UPM.

**05** Jika Pihak Berkepentingan UPM berasa bimbang atau curiga tentang penderaan atau eksploitasi seksual oleh Pihak Berkepentingan sekerja dalaman, dia mesti segera melaporkan kebimbangan tersebut melalui mekanisme pelaporan yang telah disediakan.

**06** Pihak Berkepentingan UPM bertanggungjawab mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang mencegah penderaan atau eksploitasi seksual dan menggalakkan pelaksanaan Garis Panduan ini. Pentadbir UPM pada semua peringkat bertanggungjawab untuk menyokong dan membangunkan sistem yang mengekalkan persekitaran ini.

# KOMITMEN UPM




- Budaya Organisasi Selamat
- Melaporkan SEA




- Tindakan terhadap Laporan SEA
- Sokongan untuk Mangsa yang Terselamat
- Menerapkan PSEA dalam Tugas UPM

# PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

## 1

### Semua Pihak Berkepentingan UPM

Semua Pihak Berkepentingan UPM: Setiap orang yang bekerja bagi pihak UPM berkongsi kewajipan untuk mencegah dan bertindak. Menjadi tanggungjawab semua Pihak Berkepentingan UPM untuk menjunjung Prinsip dan Komitmen Teras garis panduan ini




## 2

### Pengarah dan Pemegang Amanah

Lembaga Pengarah UPM bertanggungjawab secara keseluruhan

## 3

### Pengurusan Tertinggi Universiti

Naib Canselor
Pendaftar
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Jawatankuasa Anti Rasuah dan Integriti (JARI)
Tanggungjawab: Ketua Pusat Tanggungjawab




# STANDARD TERAS 2

Sistem Pengurusan
Organisasi Dan
Sumber Manusia

# SUMBER MANUSIA



- Peringkat Pengumuman dan Permohonan Kerja
- Peringkat Temu Duga
- Semakan Rujukan
- Proses Induksi
- Pengurusan Prestasi

## PERJANJIAN RAKAN USAHA SAMA / KERJASAMA / PERKHIDMATAN

UPM akan memastikan bahawa apabila terlibat dalam perjanjian usaha sama, kerjasama atau perkhidmatan, atau subgeran atau subpenerima, perjanjian tersebut akan memasukkan PSEA.

a) Garis panduan toleransi sifar terhadap SEA boleh diakses oleh rakan usaha sama/pembekal melalui pusat pejabat yang bertanggungjawab dan laman web universiti. Menjadi tanggungjawab pihak berkepentingan untuk mengambil tindakan terhadap PSEA, dan sekiranya gagal berbuat demikian, kontrak/perjanjian tersebut boleh ditamatkan.

b) Langkah PSEA dan kes SEA dalam organisasi rakan usaha sama, pembekal dan kontraktor akan dipantau.




# STANDARD TERAS 3

Latihan Kesedaran, Pencegahan Dan Tindakan Tentang Perlindungan Eksploitasi Dan Penderaan Seksual (PSEA)

**Pejabat Pendaftar bertanggungjawab menggalakkan kesedaran, pencegahan dan tindakan terhadap eksploitasi dan penderaan seksual dalam kalangan pihak berkepentingan dalaman Universiti Putra Malaysia (UPM). Tujuan Latihan adalah;**

**01**

Mentakrifkan eksploitasi dan penderaan seksual.

**02**

Mengenal pasti jenis eksploitasi dan penderaan seksual.

**03**

Mengenal pasti perkara yang membentuk eksploitasi dan penderaan seksual.



**04**

Mengenal pasti implikasi eksploitasi dan penderaan seksual.

**05**

Mengiktiraf garis panduan (kebangsaan dan UPM) yang melarang eksploitasi dan penderaan seksual.

**06**

Menyediakan maklumat tentang langkah dan saluran yang betul untuk melaporkan kes eksploitasi dan penderaan seksual.

UniPutraMalaysia @uputramalaysia uniputramalaysia Putra TV uniputramalaysia
PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

# PENDEKATAN LATIHAN

Latihan Kesedaran, Pencegahan dan Tindakan tentang PSEA Mandatori. Latihan Kesedaran, Pencegahan dan Tindakan tentang PSEA hendaklah diwajibkan
- Program Transformasi Minda (PTM)
- Kursus Latihan Kesedaían

Kempen Latihan/Latihan Ulang Kaji dalam Talian tentang Kesedaran, Pencegahan dan Tindakan berhubung dengan PSEA




Penyelidikan dan Kaji Selidik SEA
- Data akan dikumpulkan untuk tujuan penambahbaikan terhadap usaha mengadakan latihan dan komunikasi. Selain mengukur tahap pemahaman, kaji selidik ini akan mengenal pasti pengetahuan yang diperoleh, sikap terhadap isu dan pengalaman.

Kumpulan Sasaran untuk Latihan PSEA
- Kakitangan akademik dan kakitangan bukan akademik
- Pelajar UPM baharu dan sedia ada




# STANDARD TERAS 4

## Pelaporan Dan Kesedaran

# PENDEKATAN




**Toleransi Sifar**

**Perlindungan**

**Tanggungjawab Bersama**

**Komunikasi Berkesan**

**Kerahsiaan dan Ketanpanamaan**

**Ketelusan**

# CARA MEMBUAT LAPORAN

- Menetapkan pusat kegiatan PSEA
- Maklumat Hubungan Pusat Kegiatan
- Mekanisme Pelaporan yang Selamat dan Dipercayai

E-mel: kb_bgi@upm.edu.my
Alamat surat-menyurat: Seksyen Integriti, Pejabat Pendaftar, UPM Serdang, Selangor
No. Telefon: 03-9769 2011/7821

Mangsa juga boleh melaporkan secara terus kepada unit yang bertanggungjawab dengan mengunjungi pejabat yang dinyatakan di atas. Jika disetujui dan diminta oleh mangsa, rujukan dan persetujuan untuk pelepasan maklumat akan ditandatangani. (Borang Aduan Eksploitasi dan Penderaan Seksual)



UniPutraMalaysia @uputramalaysia uniputramalaysia Putra TV uniputramalaysia
PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE




# STANDARD TERAS 5

Bantuan Dan
Rujukan

# PANDUAN RUJUKAN

- Semua tindakan yang diambil perlu dilakukan dengan menghormati pilihan, hasrat, hak dan maruah mangsa. Keselamatan mangsa menjadi keutamaan.
- Sesiapa sahaja mempunyai hak untuk memilih kepada siapa mereka hendak menceritakan atau merahsiakan kisah mereka. Mengekalkan kerahsiaan bermaksud tidak berkongsi apa-apa maklumat dengan sesiapa. Mengekalkan prinsip tiada diskriminasi bermaksud memberikan layanan yang sama dan adil kepada sesiapa sahaja yang memerlukan sokongan. Berkongsi maklumat yang ada dan biarkan mangsa membuat keputusan jika dia mahu mengakses maklumat berkenaan, pada bila-bila masa.

01 Bantuan perubatan

02 Sokongan psikososial



03 Polis

04 Perkhidmatan guaman

# SENARAI PENYEDIA PERKHIDMATAN

| PENYEDIA PERKHIDMATAN | MAKLUMAT HUBUNGAN |
|---|---|
| **PENYEDIA PERKHIDMATAN DALAMAN** | |
| Perkhidmatan Perubatan: | |
| Hospital Pengajar UPM | +603-9769 5500<br>+603-9769 8301<br>hpupm.contact@upm.edu.my |
| Pusat Kesihatan Universiti | +603-9769 7334<br>+603-9769 7332 (Kecemasan – 24 jam)<br>pku@upm.edu.my |
| Perkhidmatan Kaunseling/Psikologi: | |
| Bahagian Kaunseling | +603-9769 2082<br>+603-0000 0000<br>kaunselor@upm.edu.my |
| Perkhidmatan keselamatan: | |
| Bahagian Keselamatan | +603-9769 7990 / +603-9769 7470<br>/ +603-9769 1999 (24 jam)<br>bku@upm.edu.my |

# SENARAI PENYEDIA PERKHIDMATAN

| PENYEDIA PERKHIDMATAN | MAKLUMAT HUBUNGAN |
|---|---|
| **PEMBEKAL PERKHIDMATAN LUAR**<br>Sila ambil perhatian bahawa direktori ini tidak lengkap dan maklumat yang diberikan tepat pada masa penyusunan (Ogos 2021) | |
| Perkhidmatan Kebangsaan/Perkhidmatan Kecemasan: | |
| Polis Diraja Malaysia (PDRM) | Bukit Aman (rmp.gov.my)<br>IPD Serdang +603-8074 2222 |
| Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br>Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Cawangan (PKMD/C) | https://www.jkm.gov.my/ |
| Talian Kasih Malaysia<br>Talian Kecemasan Malaysia | Talian penting: 15999<br>WhatsApp: +6019 2615999<br>Talian penting: 999 |
| Perkhidmatan perubatan: | |
| Pusat Krisis Sehenti (Hospital Besar KL) | Tel.: +603 2615 5320<br>Alamat: 23 Jalan Pahang, 50586 Kuala Lumpur |
| Perkhidmatan guaman: | |
| Pusat Bantuan Guaman Kuala Lumpur<br>Untuk Pusat Bantuan Guaman di negeri lain:<br>https://www.malaysianbar.org.my/article/find/bc-legal-aid-centres/legal-aid-centres/find-legal-aid-centres | Tel.: +603 2991 1121/<br>+603 2692 1122<br>Alamat: Union3.03, Aras 3 Wisma Badan Peguam Malaysia, No. 2 Leboh Pasar Besar 50050 Kuala Lumpur |
| Telenita - Persatuan Tindakan Semua Wanita (AWAM) | 016-237 4221 (Isnin-Sabtu,10 pagi hingga 5 petang) |
| Perkhidmatan Talian Penting dan Perlindungan: | |
| Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) | +603-3000 8858 (24 jam) |
| P.S. The Children (PSC) | Talian penting: 016 721 3065<br>SMS/WhatsApp: 016 721 3065 |
| Tenaganita (memberikan tumpuan kepada pelarian dan pendatang yang mengalami pelanggaran hak asasi manusia) | Talian penting: 012 335 0512/ 012 339 5350 (24 jam)<br>general@tenaganita.net |
| Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan | TINA +6018-988 8058<br>Telefon: +603 88810200, +603 88810600, +603 88810700<br>cprc@moh.gov.my |




# STANDARD TERAS 6

Siasatan

# PUSAT KEGIATAN UNTUK SIASATAN

| SIASATAN DALAMAN | MAKLUMAT HUBUNGAN |
|---|---|
| Pejabat Pendaftar | +603-9769 1527<br>+603-8947 2007<br>pendaftaí@upm.edu.my |
| Seksyen Integriti | +603-9769 7821<br>+603-9769 1550<br>kb_bgi@upm.edu.my |
| Seksyen Pengurusan Kebajikan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar | +603-9769 6075<br>+603-9769 2091<br>bhep@upm.edu.my |
| SIASATAN LUAR | |
| Polis Diraja Malaysia (PDRM) | Bukit Aman (rmp.gov.my)<br>IPK Selangor +603-5514 5001<br>IPD Serdang +603-8074 2222 |

# CARTA ALIRAN KERJA TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH PENGADU






# CARTA ALIRAN KERJA TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL BAGI TUJUAN PENGUMPULAN BUKTI (PENGADU)



Mula

↓

Buat catatan atau rekod kejadian agar dapat dijadikan bahan bukti

↓

Simpan apa jua nota, bahan bacaan dan visual atau dokumen yang berunsur seksual yang diedarkan melaui apa jua medium tanpa sebarang pengubahsuaian

↓

Sekiranya perlu, maklumkan kepada pihak ketiga tetapi dalam jumlah yang paling minimum bagi menjaga kerahsiaan

↓

Pengadu mengenalpasti orang lain yang melihat kejadian atau orang pertama yang diceritakan kejadian tersebut

↓

Tamat

# CARTA ALIRAN KERJA TINDAKAN OLEH PIHAK YANG MENERIMA ADUAN






# CARTA ALIRAN KERJA TINDAKAN OLEH PEGAWAI PSIKOLOGI





# CARTA ALIRAN KERJA TINDAKAN OLEH JAWATANKUASA SIASATAN BEBAS






# GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES GANGGUAN SEKSUAL DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PELAJAR)



# Carta Alir Mengendali Kes Gangguan Seksual






# PROSES MEDIASI

1) Proses mediasi adalah kaedah penyelesaian kes melalui sesi rundingan di antara PYD dan PYDM dengan pihak mediator.
2) Mediator dilantik oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dalam kalangan Pegawai Kaunselor bertauliah Universiti.
3) PYD dan PYDM hendaklah bersetuju untuk melalui proses mediasi sebelum menandatangani borang persetujuan penyelesaian.
4) Mediator akan memastikan prinsip kerahsiaan yang tinggi diamalkan semasa proses mediasi.
5) Proses mediasi akan dilaksanakan sekiranya:
    a) Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman membuat keputusan aduan yang dibuat oleh PYD adalah berasas (ADA KES) dan mencadangkan proses mediasi sebagai satu kaedah penyelesaian. Kedua-dua pihak hendaklah bersetuju melalui proses mediasi dan Borang Persetujuan Penyelesaian 1 (Lampiran B1) akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak selepas proses mediasi selesai; atau
    b) Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman membuat keputusan, aduan yang dibuat oleh PYD adalah tidak berasas (TIADA KES). Oleh itu sekiranya kedua-dua pihak bersetuju, proses mediasi akan dilakukan dan Borang Persetujuan Penyelesaian 2 (Lampiran B2) akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak selepas proses mediasi selesai




- Pasukan Penyelidik Fakulti Ekologi Manusia, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
- Pejabat Pendaftar, UPM
- Bahagian Hal Ehwal Pelajar
- Pejabat Penasihat Undang-Undang
- United Nations Children's unicef
- Semua pihak yang telibat dalam penyediaan garis panduan di bawah dasar ini.

# Terima Kasih